

Rakyat diminta buka minda

Oleh ALI MAHMOOD

Kita perlu mempunyai budaya saing yang relevan dan kekuatan minda berbanding orang lain

UM-15/5/2006
**NAJIB
TUN RAZAK**

pembangunan fizikal, tetapi perlu diisi dengan pembangunan modal insan.

"Semua itu hanya akan kita capai jika kekuatan minda kita sangat tinggi atau jika tidak, kita akan tewas," katanya.

Justeru, beliau berkata, golongan belia khususnya barisan pelapis untuk kepimpinan yang akan datang perlu diterapkan dengan nilai-nilai kepimpinan yang tinggi tanpa hanya menumpukan kepada perkembangan fizikal semata-mata.

"Janganlah kita hanya menitikberatkan pembangunan fizikal. Apa yang lebih utama ialah pembangunan modal insan untuk membentuk ketrampilan diri sebagai bakal pemimpin yang disegani dan berjaya," katanya.

PEKAN 14 Mei - Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak meminta rakyat membuka ruang minda dan menambah nilai dalam melakukan sesuatu perkara jika ingin mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Beliau berkata, minda yang bebas daripada segala bentuk penjajahan mampu menjana pemikiran dengan lebih kreatif dan berdaya saing, seiring dengan era globalisasi yang semakin mencabar.

Sehubungan itu, beliau berkata, rakyat perlu membuka jendela minda dengan pengisian ilmu dan kemahiran yang semakin

mendalam.

"Kalau kita gagal membuka minda, kita akan tewas dalam persaingan. Oleh itu, kita perlu mempunyai budaya saing yang relevan dan kekuatan minda berbanding orang lain," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis penutup Fiesta Keluarga UMNO Cawangan Langgar, sempena hari Ulang Tahun Ke-60 UMNO di sini, hari ini.

Najib yang juga Timbalan Perdana

Menteri berkata, gaya hidup yang berpaksikan perkara yang tidak relevan hanya akan menjadikan sesuatu bangsa itu mundur dan jauh tercalar sedangkan zaman semakin maju dan canggih.

Tambah beliau, generasi masa kini dituntut agar meluaskan minda masing-masing dengan pelbagai ilmu dan kemahiran agar mampu muncul sebagai manusia yang relevan dan diterapkan dengan pengisian yang bukan sahaja berbentuk